



# JAWATANKUASA TEKNIKAL BEKALAN DAN HARGA MAKANAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

## LAPORAN SITUASI BEKALAN DAN HARGA BARANG MAKANAN

Berikut merupakan situasi bekalan dan harga makanan yang dibincang dan dilaporkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bekalan dan Harga Makanan Bilangan 5 Tahun 2024** bertarikh **13 Mei 2024**.

### 1. HARGA

- Berdasarkan laporan Trend Pergerakan Harga Barang Keperluan Pengguna oleh BHBN, kebanyakan harga barang yang dipantau dalam ‘Dashboard 10 Item’ bagi tempoh 1 hingga 30 April 2024 adalah stabil. Walau bagaimanapun, perhatian perlu diberi kepada item sayuran iaitu sawi yang mengalami peningkatan harga melebihi harga baseline 2023 dan timun yang menunjukkan peningkatan harga ketara.

#### 1.1 Trend Harga

- **Trend harga Ayam Bersih Standard** menunjukkan **kestabilan** dengan penurunan **harga** antara **5.0%** dan **4.7%** dalam **tempoh dua (2) minggu** dan **satu (1) bulan**. Harga purata **Ayam Bersih Standard Nasional** yang direkodkan pada 30 April 2024 adalah **RM8.54/kg** manakala **Semenanjung** adalah **RM8.43/kg**. Kebanyakan premis (156 daripada 677 premis) didapati menjual pada julat harga antara **RM7.41/kg hingga RM7.90/kg** dengan kekerapan harga **RM7.49 di 56 premis**.
- **Ikan kembung** menunjukkan **kenaikan harga** bagi perbandingan **dua (2) minggu** dengan julat antara **15.7% hingga 34.9% di Semenanjung**. Perbandingan satu (1) bulan mencatatkan **penurunan** antara **0.5% dan 9.3% di Semenanjung dan Sarawak**. Ikan Kembung banyak dijual dalam julat harga antara **RM14.01/kg hingga RM16.00/kg** dengan kekerapan harga **RM18.00/kg di 22 premis**.
- Harga **Bawang Merah Besar India dan Pakistan** menunjukkan **peningkatan harga yang berterusan** sehingga mencecah **20.6%** dan **18.5%** bagi perbandingan **dua (2) minggu**. Trend harga **Bawang Merah Besar China** menunjukkan **penurunan antara 1.2% hingga 21.6%** bagi perbandingan **satu (1) minggu, dua (2) minggu dan satu (1) bulan**. Harga bawang besar sangat pelbagai, namun kebanyakan premis menjual bawang besar pada julat harga antara **RM5.01/kg hingga RM8.00/kg**.
- **Bawang merah kecil** menunjukkan **trend penurunan harga** dengan julat antara **1.2% hingga 14.0%** bagi perbandingan **satu (1) bulan**. **Bawang Merah Kecil India (Rose)** dan **Bawang Merah Kecil Thailand** menunjukkan **peningkatan harga** antara **0.3% dan 1.9%** dalam **tempoh dua (2) minggu**. Kebanyakan premis menjual **Bawang Merah Kecil India (biasa)** dan **Bawang Merah Kecil China** dalam julat antara **RM8.01/kg hingga RM9.00/kg**. **Bawang Merah Kecil India (Rose)** dan **Bawang Merah Kecil Thailand** pula kebanyakan dijual pada harga **RM9.01/kg hingga RM10.00/kg**.

- **Sawi** menunjukkan **kenaikan harga yang berterusan** di peringkat Nasional, Semenanjung dan Sabah dalam tempoh satu bulan dengan **julat antara 9.5% hingga 42.9%**. Harga Sawi adalah sangat pelbagai namun kebanyakannya premis (147 daripada 626) menjual Sawi pada julat harga antara **RM7.01/kg hingga RM8.00/kg** dengan kekerapan harga **RM8.00/kg** di **72 premis**.
- **Timun** juga menunjukkan **kenaikan harga yang berterusan** bagi semua zon dalam **tempoh dua (2) minggu** dengan julat harga antara **4.5% hingga 57.9%**. Kebanyakannya premis (263 daripada 836) menjual timun pada julat harga antara **RM4.01/kg hingga RM5.00/kg** dengan kekerapan harga **RM5.00/kg** di **93 premis**.

## 1.2 Aduan berkaitan harga

- BGK melaporkan sebanyak **45 aduan** berkaitan harga telah diterima di dalam sistem e-Aduan bagi **kategori bahan mentah** sepanjang tempoh **1 hingga 30 April 2024**, iaitu lebih rendah berbanding 46 aduan yang dilaporkan bagi tempoh 1 hingga 31 Mac 2024.
- Aduan mengenai **harga mahal** bagi **gula, minyak masak, ayam, telur, beras dan bawang** masih diterima bagi tempoh pelaporan tersebut.
- Aduan berkaitan SST yang dilaporkan bagi tempoh **1 hingga 30 April 2024** adalah sebanyak **10 aduan**. Kebanyakan aduan yang diterima adalah mengenai penjual yang **mengenakan kadar SST 8% walaupun tidak termasuk dalam sektor yang terlibat** dengan kenaikan tersebut.
- **Sabah, Selangor dan Kuala Lumpur** merupakan **tiga (3) negeri yang paling banyak** merekodkan aduan mengenai harga sepanjang tempoh pelaporan.
- Hasil pemantauan UKK sepanjang tempoh 1 hingga 31 Mac 2024 mendapati tiada **pelaporan berkaitan harga dengan sentimen negatif di media cetak**. Bagi **media sosial** pula, **sebanyak 185 mentioned** dilaporkan bagi tempoh yang sama yang mana kebanyakannya adalah sentimen **positif** dan **neutral**.

## 2. BEKALAN

### 2.1 Aduan berkaitan bekalan

- BGK melaporkan **aduan berkaitan bekalan menunjukkan sedikit penurunan bagi tempoh 1 hingga 30 April 2024** iaitu sebanyak **105 aduan berbanding 116 aduan** yang direkodkan bagi tempoh 1 hingga 31 Mac 2024. Aduan mengenai bekalan diterima dari hampir semua negeri kecuali Perlis, Putrajaya dan Labuan. Tiga (3) negeri yang merekodkan aduan bekalan yang tertinggi adalah Selangor (20 aduan), Johor (14 aduan) dan Perak (12 aduan). Aduan bekalan mengikut kategori adalah seperti berikut:

- **Gula - 13 aduan** (5 aduan kurang/tiada bekalan; 5 aduan enggan menjual/pembelian bersyarat);
  - **Minyak Masak - 88 aduan** (26 aduan kurang/tiada bekalan; 30 aduan enggan menjual/ pembelian bersyarat); dan
  - **Beras - 4 aduan** (1 aduan kurang/tiada bekalan).
- Hasil pemantauan UKK berkaitan isu bekalan di media cetak sepanjang tempoh 1 hingga 30 April 2024 mendapati **isu yang berlegar** adalah mengenai **bekalan minyak masak peket, beras dan bawang**. Manakala di **media sosial**, sebanyak **267 mentioned** dilaporkan dengan 170 positif, 83 neutral dan 14 negatif.

### **3. PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN BERHUBUNG BEKALAN DAN HARGA**

- **Aduan mengenai bekalan dan harga beras adalah rendah** susulan pengumuman Kerajaan untuk mengurangkan harga beras putih import (pek 10kg) sebanyak RM2 hingga RM3 di pasaran berkuatkuasa pada 20 Mac 2024 yang lalu. Walau bagaimanapun, pemantauan rapi ke atas item beras harus diteruskan kerana harga mungkin akan naik semula jika *stockpile* bekalan beras menyusut.
- Maklum balas dari Pegawai Pemantau Harga (PPH) berhubung keberadaan beras mendapati **beras yang berada di pasaran adalah beras import dan tiada beras tempatan**.
- Kategori sayuran seperti sawi dan timun mula menunjukkan peningkatan harga selepas tamat tempoh SHMMP Hari Raya Puasa. Keadaan cuaca yang panas dan kering juga turut memberi kesan terhadap bekalan dan harga sayur.

### **4. RUMUSAN DAN SYOR**

- Mesyuarat menyarankan supaya UKK merangka strategi bagi naratif yang hendak disampaikan oleh kementerian kepada rakyat. Koordinasi serta input daripada bahagian adalah penting supaya naratif Kementerian adalah menyeluruh dan komprehensif merangkumi aspek penguatkuasaan, dasar serta advokasi kepenggunaan.
- Kementerian juga perlu bersedia dengan strategi untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dan persepsi negatif rakyat sekiranya berlaku kenaikan harga barang dan perkhidmatan di pasaran susulan kenaikan gaji penjawat awam yang akan berlaku pada bulan Disember ini.
- Mesyuarat turut menyarankan supaya UKK mempergiat sesi libat urus bersama media dan dalam masa yang sama mewujudkan hubungan baik dengan media. Ini merupakan satu tindakan strategik bagi memastikan sekiranya sebarang isu berkaitan bekalan dan harga timbul, pihak media akan merujuk kepada kementerian bagi menentukan kesahihan sebelum melaporkannya.